

Golongan tidak mampu kini miliki kenderaan mewah pada harga diskaun 90 peratus

Penuhi impian dengan kereta klon

Oleh NOR AFIAH MAT NOR

KOTA BHARU - Toyota Alphard berharga RM25,000! Demikian pendedahan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berhubung kegiatan mengklonkan pelbagai jenis kenderaan mewah ti negara ini.

Satu sumber JPJ memberitahu, sehingga kini dipercayai kira-kira 3,000 hingga 5,000 buah kenderaan klon jenama mewah sudah diseludup masuk dari beberapa buah negara jiran seperti Thailand oleh sindiket mengklonkan kenderaan yang berpusat di ibu negara.

Bayangkan, dalam Ops Khas Kereta Klon oleh JPJ selama tiga hari bermula Jumaat lalu di daerah ini, JPJ berjaya merampas 31 buah kenderaan klon mewah seperti BMW, Mini Cooper, Mercedes-Benz, Honda dan Toyota. Semua kenderaan klon terpakai dari negara jiran itu lazimnya dijual pada harga bawah RM25,000 sebuah iaitu cuma 10 peratus daripada harga sebenar kenderaan itu.

Kata sumber JPJ itu, modus operandi sindiket yang didalangi warga tempatan itu akan mencari pelanggan yang mahu membeli kereta klon secara online dan mengambil deposit sebanyak RM5,000 bagi setiap tempahan kenderaan.

Selepas beberapa hari, ken-



SEBAHAGIAN daripada 31 buah kenderaan klon yang disita dan dibawa ke Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Panji, Kota Bharu semalam.

“Pembeli kereta klon merupakan golongan pertengahan yang ingin tampil bergaya dan ada dalam kalangan mereka merupakan penjawat awam

SUMBER JPJ

ngikuti Ops Khas Kereta Klon oleh JPJ itu sempat menemu bual seorang penjawat awam berusia 40-an yang ditahan di sini kerana membeli kereta Honda Jazz klon menerusi sebuah sindiket di ibu negara.

“Saya menghubungi sindiket itu dan memberitahu model yang diinginkan. Apabila ada stok, mereka meminta deposit sebelum kereta diserahkan kepada saya,” katanya.

Turut ditahan dalam operasi itu ialah sekumpulan pelajar Universiti Teknologi Mara Machang yang menaiki Honda

INFO

Perbezaan Harga Kenderaan Klon

Jenis kenderaan	Harga sebenar	Harga klon
Honda Jazz	RM90,980	RM15,000
Honda Odyssey	RM229,030-RM248,536	RM15,000-RM20,000
Toyota Alphard	RM249,900	RM25,000
Mercedes-Benz	RM364,888	RM25,000-RM20,000
Toyota Wish	RM89,888-RM113,000	RM20,000



ANGGOTA penguat kuasa JPJ menahan seorang pemilik kereta klon dalam Ops Khas Kereta Klon di Lembah Sirih, Kota Bharu kelmarin.

raan pelbagai guna jenis Toyota Alphard berwarna putih dari Kuala Lumpur.

Suspek yang bekerja sebagai juruteknik sebuah syarikat berkaitan kerajaan di Nibong Tebal, Pulau Pinang tetapi berasal dari Temerloh, Pahang

sama di negara ini.

“Apa yang membezakan kenderaan klon dan kenderaan asal hanyalah nombor casis dan nombor enjin yang telah diubah suai oleh sindiket,” kata sumber JPJ.

Dalam operasi sama, JPJ turut menahan seorang lelaki keldai

deraan itu akan dihantar kepada pembeli menggunakan khidmat keldai kereta klon atau dihantar sendiri oleh ketua sindiket.

Kebanyakan pemilik kenderaan klon mengakui mereka tahu kereta dibeli adalah kereta klon tetapi disebabkan tidak mampu memiliki kenderaan se-

benar, mereka mengambil risiko membeli kereta klon.

"Pembeli kereta klon merupakan golongan pertengahan yang ingin tampil bergaya dan ada dalam kalangan mereka merupakan penjawat awam," kata sumber JPJ itu lagi.

Wartawan *Kosmo!* yang me-

menyang yang membeli Honda Jazz yang diklon di Thailand.

Selain pemilik kereta klon, seorang ahli sindiket berusia 33 tahun turut ditahan JPJ di hadapan sebuah kafe berhampiran sebuah pasar raya di sini pada pukul 6.30 petang kelmarin.

Suspek ketika itu datang ke sini untuk menghantar kende-

rasa dari Kemeron, Pahang mendakwa dia melakukan kerja itu bagi menambah pendapatan.

Menjelaskan lebih lanjut, sumber JPJ itu memberitahu, Toyota Alphard itu ditempah pelanggan pada harga RM25,000 dan siasatan mendapati MPV itu menggunakan nombor pendaftaran daripada kenderaan jenis

menahan seorang lelaki kerdia kereta klon berusia 30-an yang dalam perjalanan menghantar kereta Honda Civic warna hitam kepada pelanggannya pada Jumaat lalu.

Kedua-dua suspek itu kini disiasat dan JPJ juga sedang mencari saki-baki ahli sindiket terbabit.

Kereta Jazz, Odyssey, Civic klon paling laris

KOTA BHARU - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berjaya mematahkan sindiket penjualan kenderaan klon mewah apabila merampas sebanyak 371 buah kenderaan pelbagai jenis di seluruh negara sejak November tahun lalu.

Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Ismail Ahmad berkata, statistik menunjukkan kereta jenis Honda paling banyak dirampas terutama model Jazz iaitu 88 buah diikuti Odyssey (63) dan Civic (52).

Menurut beliau, Terengganu pula merupakan negeri yang mencatat rampasan kenderaan klon paling tinggi iaitu sebanyak 166 buah, diikuti Kelantan (51) dan Perak (43).

"Kebanyakan kenderaan klon yang dirampas merupakan kenderaan yang diseludup dari Singapura yang sudah luput penggunaan iaitu melebihi lima tahun," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Ismail berkata demikian selepas majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Operasi Khas kepada kira-kira 40 anggota JPJ

dari Kelantan, Terengganu dan Pahang yang terlibat dalam membanteras kegiatan kenderaan klon yang diadakan di sekitar daerah ini bermula Jumaat hingga Ahad lalu.

Ismail berkata, siasatan mendapati sindiket kereta klon memalsukan maklumat kenderaan yang rosak dalam kemalangan untuk mendaftar semula kenderaan terpakai yang diseludup dari negara jiran sebelum dijual kepada pelanggan.

"Kenderaan klon ditukar nombor casis dan nombor enjin bagi meyakinkan pembeli semasa urusan niaga yang ditawarkan secara online atau melalui media sosial," jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Azam Baki berkata, pihaknya percaya masih banyak kenderaan klon berada di atas jalan raya di negara ini dan usaha untuk mengesan pemilikinya sedang dijalankan.

"Kebanyakan sindiket yang dikesan berada di Kuala Lumpur dan Lembah Klang

sebelum mereka mengeksport kenderaan klon ke negeri-negeri di luar Lembah Klang terutama ke negeri-negeri Pantai Timur," jelas beliau.



ISMAIL (dua dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang pegawai JPJ di Ibu Pejabat JPJ Panji, Kota Bharu semalam.